

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

SOALAN

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan kefahaman orang awam tentang kebebasan beragama itu merangkumi kebebasan untuk tidak beragama, dan kebebasan berfikir, kebebasan nurani hati dan kebebasan kepercayaan.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menjamin dan meraikan hak serta kebebasan rakyat negara ini berdasarkan Perlembagaan dan Undang-Undang yang telah diwartakan termasuk hak untuk menganut dan mengamalkan agama selain Islam. Bagaimanapun kebebasan beragama tidak seharusnya diterjemah sebagai kebebasan untuk tidak beragama berdasarkan kepada Prinsip Rukun Negara yang pertama iaitu 'Kepercayaan kepada Tuhan'.

Kepercayaan kepada Tuhan dimaksudkan sebagai bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Melalui kepercayaan beragama inilah akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Manakala Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan atau perihal agama adalah dilarang sama sekali.

Sekian, terima kasih.